

04 NOV 2000
Fernandez-reaksi
DR MAHATHIR, PARA PEMIMPIN TERKEJUT

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pembunuhan anggota Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas Dr Joe Fernandez sebagai luar biasa kerana kejadian menembak wakil rakyat bukanlah amalan di Malaysia.

"Dahulu semasa zaman darurat, kita ada kejadian seperti itu," kata Perdana Menteri ketika ditanya pemberita di Langkawi hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau berasa sedih dan terperanjat dengan kejadian itu.

"Saya tak fikirkan kejadian seperti itu boleh berlaku sekarang," katanya.

Perdana menteri mengucapkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang dan berkata kejadian itu akan disiasat.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, yang dihubungi di Rome kerana menghadiri satu persidangan antarabangsa, berkata beliau amat terkejut dengan kejadian itu.

Beliau berkata Fernandez merupakan seorang wakil rakyat yang rajin untuk kepentingan orang ramai.

"Kematiannya satu tamparan kepada MIC dalam usaha parti untuk menyediakan barisan pemimpin pelapis kerana beliau merupakan seorang yang popular dan sedang meningkat," kata Samy Vellu.

Fernandez, 54, timbalan pengerusi MIC Kedah, ditembak di kepala dan badan di satu persimpangan jalan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, pada 2.30 petang tadi ketika berada dalam kenderaannya. Beliau meninggal dunia di sebuah hospital swasta di Bukit Mertajam kira-kira sejam kemudian.

Samy Vellu berkata beliau telah menghubungi isteri Fernandez untuk menyampaikan ucapan takziah.

Katanya semua pemimpin MIC telah diminta pergi ke Pulau Pinang untuk menguruskan pengebumian dan memberi semangat moral kepada keluarga Fernandez.

Naib Presiden MIC Datuk G. Palanivel menyifatkan Fernandez sebagai antara wakil rakyat terbaik dari parti itu.

"Kematiannya satu kehilangan besar kepada parti," katanya.

Setiausaha agung MIC S. Sothinathan turut melahirkan rasa sedih dan terkejut dengan kejadian itu.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Zin berkata beliau tidak tahu sama ada Fernandez mempunyai sebarang masalah sehingga membawa kepada kejadian beliau ditembak mati.

"Setahu saya dia tidak ada masalah," katanya kepada pemberita di Langkawi.

Syed Razak berkata kali terakhir beliau menemui Fernandez ialah semasa menghadiri majlis perkahwinan anak sorang anggota Exco Kerajaan Kedah, di Sungai Petani, semalam.

Beliau berkata rekod perkhidmatan Fernandez sebagai wakil rakyat Lunas selama dua penggal adalah baik.

Barisan Nasional Kedah akan mengadakan mesyuarat mengenai kejadian itu di Alor Setar malam ini.

BN menguasai 24 daripada 36 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Kedah.

-- BERNAMA

SR NH JM GM MAI